



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (HICoE)

Kemaskini 2026

**Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
No. Tel: 03-8870 6974/6975
No. Faks: 03-8870 6**

ISI KANDUNGAN

1.	PENDAHULUAN	1
1.1	LATAR BELAKANG	1
1.2	HICoE TERAS PENYELIDIKAN DAN INOVASI	2
1.3	HICoE TERAS PERKHIDMATAN	3
2.	PENGURUSAN PROJEK HICoE	4
2.1	PELAKSANAAN HICoE	5
2.2	PELAN TINDAKAN DAN HALA TUJU	6
2.3	SKOP/ OBJEKTIF	6
2.4	PENGARAH/ KETUA PROGRAM	6
2.5	KEAHLIAN	8
2.6	TEMPOH PENYELIDIKAN	9
2.7	PENALTI DAN KETIDAKPATUHAN	10
2.8	TANGGUNGJAWAB PIHAK BERKEPENTINGAN	11
3.	PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN	13
3.1	DANA PENYELIDIKAN HICoE	14
3.2	PENGURUSAN PERUNTUKAN	15
3.3	PENGUNAAN PERUNTUKAN MELANGKAUI FASA	22
3.4	PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN	22
3.5	PEROLEHAN ASET, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN	22
3.6	PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI	23
4.	PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN	24
4.1	PEMANTAUAN	25
4.2	PELAPORAN	27
4.3	PEMANTAUAN TIDAK BERJADUAL	28
5.	LAMPIRAN	29

DAFTAR ISTILAH

Institusi	Institusi dalam negara yang menerima geran penyelidikan Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi sama ada dari Universiti Awam dan Universiti Swasta.
RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta serta lain-lain Institusi yang layak memohon Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertindak dan berfungsi untuk menyelaras dan menguruskan semua urusan berkaitan dana ini.
<i>Proposal</i>	Kertas cadangan penyelidikan yang disediakan oleh para penyelidik dalam kalangan akademik dari Institusi Pendidikan Tinggi dalam negara dan penyelidik/ saintis di Institut Penyelidikan di bawah Kementerian.
KPI	KPI (<i>Key Performance Indicator</i>) atau Petunjuk Prestasi Utama Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi perlu dipenuhi bagi mencapai matlamat program Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi.
Kolaborator	Kolaborator adalah terdiri daripada pihak industri/ agensi kerajaan/ agensi swasta/ institusi dalam dan luar negara.
GRA	GRA (<i>Graduate Research Assistant</i>) adalah individu yang menjalankan pengajian sepenuh masa mod penyelidikan di peringkat pengajian pasca siswazah dan dilantik sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah yang membantu dan menjalankan pengajian berkaitan penyelidikan bidang nic.
Ahli Tetap	Ahli Tetap yang dilantik oleh NC/ TNCPi untuk menjalankan penyelidikan berkaitan bidang nic. (Rujuk Glosari)
Ahli Bersekutu	Ahli Bersekutu yang dilantik oleh NC/ TNCPi untuk menjalankan penyelidikan berkaitan bidang nic. (Rujuk Glosari)

1. PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG

Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (*Higher Institution Centres of Excellence*, HICoE) merupakan sebuah program Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi melonjakkan HICoE sebagai pakar rujuk (*referral point*) dalam penyelidikan bidang nic di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Program HICoE terbahagi kepada dua (2) teras utama iaitu Penyelidikan dan Inovasi serta Perkhidmatan. Sehingga kini, HICoE telah menghasilkan impak kepada penghasilan bakat baharu penyelidikan, penerbitan jurnal berimpak tinggi serta penghasilan inovasi yang dapat memberi manfaat kepada akademia, industri, kerajaan, komuniti dan persekitaran.

CoE yang mendapat penarafan sebagai HICoE disediakan dana penyelidikan bagi melaksanakan program penyelidikan dalam bidang nic dengan menyediakan Pelan Tindakan dan Hala Tuju yang memperincikan perancangan program dan projek yang mampu melonjakkan kecemerlangan HICoE. Kemajuan prestasi HICoE dipantau oleh JPT melalui Indeks Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di dalam Instrumen HICoE. HICoE juga perlu mengemukakan laporan prestasi pencapaian menurut kala pemantauan yang ditetapkan oleh JPT. Prestasi pencapaian yang ditentukan melalui pemantauan tersebut akan digunakan oleh JPT sebagai asas bagi penyaluran dana penyelidikan HICoE bagi tahun seterusnya mengikut fasa pelaksanaan masing-masing.

Garis Panduan HICoE 2026 menggariskan beberapa perkara dan inisiatif baharu di bawah Dana Penyelidikan HICoE. Garis Panduan ini akan dijadikan rujukan kepada semua CoE di IPT serta CoE yang telah diberi penarafan HICoE oleh KPT.

1.2 HICoE TERAS PENYELIDIKAN DAN INOVASI

1.2.1 Definisi

Sebuah entiti berteraskan penyelidikan dan inovasi dalam bidang khusus yang ditubuhkan oleh sesebuah IPT bagi menyerlahkan kecemerlangan penyelidikan serta wujud secara bersimbiosis dengan IPT.

1.2.2 Visi

Mencapai tahap entiti penyelidikan yang dirujuk dan disanjung dalam bidang berkaitan di peringkat antarabangsa.

1.2.3 Misi

Menerajui perkembangan ilmu dalam bidang berkaitan dengan menjalankan kajian fundamental dan menyebarkan dapatan penyelidikan melalui wadah tersohor.

1.2.4 Objektif

- a) Menjana dan menyebarkan ilmu baharu;
- b) Menyediakan ilmu asas untuk penyelidikan gunaan dan pembangunan teknologi;
- c) Membangunkan bakat untuk kelangsungan entiti dan keperluan negara;
- d) Membina jaringan kolaborasi dan perkongsian sumber serta kepakaran dengan agensi dari dalam dan luar Negara;
- e) Menjadi pusat rujukan tersohor dalam bidang penyelidikan nlc; dan
- f) Meningkatkan daya saing entiti untuk memperolehi geran penyelidikan daripada pelbagai sumber, khususnya geran antarabangsa.

1.3 HICoE TERAS PERKHIDMATAN

1.3.1 Definisi

Sebuah entiti berteraskan perkhidmatan berasaskan penyelidikan (70%:30%) yang mempunyai prestasi cemerlang di dalam bidang tujahan tertentu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Entiti tersebut juga dapat menjana pendapatan ke arah kelestarian menerusi perkhidmatan yang berasaskan penyelidikan serta wujud bersimbiosis dan disokong berterusan oleh IPT.

1.3.2 Visi

Menawarkan perkhidmatan berasaskan penyelidikan yang menjana kewangan.

1.3.3 Misi

Mencapai tahap entiti perkhidmatan berasaskan penyelidikan yang relevan, dirujuk dan disanjung dalam bidang berkaitan di peringkat antarabangsa.

1.3.4 Objektif

- a) Menjana pendapatan dan memindahkan penemuan ilmu melalui perkhidmatan yang ditawarkan;
- b) Menjadi pusat rujukan negara dalam bidang penyelidikan nic;
- c) Membangun bakat untuk kelangsungan entiti dan keperluan Negara; dan
- d) Meneraju jaringan kerjasama di kalangan IPT dan agensi di dalam bidang nic.

PENGURUSAN PROJEK HICoE

2. PENGURUSAN PROJEK HICoE

2.1 PELAKSANAAN HICoE

Tempoh pelaksanaan HICoE Fasa I adalah tiga (3) tahun di mana geran penyelidikan dan KPI tahunan adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH GERAN PENYELIDIKAN HICoE (RM)	KPI TAHUNAN
1	*3 juta	● KPI tahunan seperti di dalam Instrumen HICoE sedia ada. ● KPI endowmen merangkumi endowmen/ penajaan pendapatan/ pengkomersialan yang diambil kira adalah tunai dan harta/ aset yang tiada susut nilai berjumlah RM500,000 dalam tempoh 3 tahun. ● Sekurang-kurangnya 1 MoA dengan **industri dalam tempoh 3 tahun. ● Impak kepada <i>Quintuple Helix</i> (kerajaan, akademik, komuniti, industri dan persekitaran).
2	*2.25 juta	
3	*1.5 juta	
Jumlah Keseluruhan	*6.75 juta	

Nota :

*Jumlah peruntukan dan pemberian Dana Penyelidikan HICoE bergantung kepada perubahan dasar yang diterima oleh JPT dan prestasi semasa HICoE selepas proses pemantauan tahunan HICoE.

** Kerjasama secara aktif dengan HICoE :

- a) Perkongsian dan gunasama peralatan/ kemudahan/ data penyelidikan;
- b) Mengenalpasti dan bekerjasama di dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh industri berkaitan;

- c) Membantu dalam pengkomersialan inovasi HICoE;
- d) Memberi input teknikal dan profesional mengenai penyelidikan bidang nic HICoE; dan
- e) Peranan industri mestilah dinyatakan dengan jelas di dalam Pelan Tindakan dan Hala Tuju HICoE.

2.2 PELAN TINDAKAN DAN HALA TUJU

HICoE perlu menyediakan Pelan Tindakan dan Hala Tuju yang merangkumi maklumat terperinci bagi aktiviti penyelidikan, kolaborasi dengan institusi penyelidikan serta industri tempatan dan antarabangsa, strategi-strategi dalam meningkatkan pencapaian di peringkat serantau serta antarabangsa (berdasarkan bidang nic) seperti perolehan geran, keanggotaan dalam institusi serantau/ antarabangsa, pertukaran tenaga akademik, penyeliaan pelajar serantau/ antarabangsa di samping penerbitan penyelidikan dan pengukuhan/ penajaan bakat serta lain-lain aktiviti akademik dan penyelidikan yang mampu melonjakkan kecemerlangan HICoE.

2.3 SKOP/ OBJEKTIF

Perubahan skop atau objektif tidak dibenarkan sepanjang tempoh penyelidikan. Sekiranya terdapat keperluan yang memberi impak positif kepada negara, perubahan skop atau objektif perlu mendapatkan kebenaran daripada JPT.

2.4 PENGARAH/ KETUA PROGRAM

2.4.1 Pengarah/ Ketua Program merupakan penyelidik yang mengetuai program/ projek dan bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan sepertimana dalam Pelan Tindakan dan Hala Tuju HICoE yang diluluskan, antaranya merangkumi skop, objektif, jangkaan hasil, carta perbatuan, belanjawan dan lain-lain terma yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian dan juga ikatan perjanjian.

2.4.2 Pengarah/ Ketua Program mestilah mempunyai kepakaran di dalam bidang nic, berstatus ahli tetap dan perlu dilantik oleh Naib Canselor Universiti serta menghantar pemakluman pelantikan secara rasmi kepada JPT.

- 2.4.3 Pengarah/ Ketua Program perlu melepaskan kedudukan sebagai ketua apabila tidak dapat menjalankan peranannya **melebihi tempoh tiga (3) bulan** dan perlu mengemukakan permohonan pertukaran kepada RMC jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- i) Cuti belajar/ cuti tanpa gaji/ sangkutan industri/ pasca doktoral atau seumpamanya;
 - ii) Bersara/ tamat perkhidmatan;
 - iii) Dipinjamkan/ berpindah ke organisasi lain;
 - iv) Cuti sakit; atau
 - v) Sebab-sebab lain (perlu mendapat perakuan RMC).
- 2.4.4 Pengecualian dibenarkan bagi Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek HICoE yang bercuti sabatikal dengan syarat penyelidik menjalankan penyelidikan HICoE sepanjang tempoh cuti tersebut. Dokumen pembuktian perlu dikemukakan kepada RMC dan JPT untuk kelulusan meneruskan peranan sebagai Pengarah/ Ketua Program HICoE.
- 2.4.5 Pengganti Pengarah/ Ketua Program adalah *next appointed leader* yang dicalonkan di dalam *proposal* atau penyelidik bersama sedia ada dari HICoE yang sama dengan Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek HICoE yang asal. Penyelidik bersama tersebut mestilah telah menjadi ahli tetap/ bersekutu selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam kumpulan penyelidikan tersebut.
- 2.4.6 Pengarah/ Ketua Program HICoE perlu mengemukakan cadangan penyelidik yang bersesuaian dari segi kepakaran untuk menggantikannya. TNCPI bertanggungjawab untuk memastikan penyelidik layak untuk menjadi Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek yang baharu.
- 2.4.7 Pengganti Pengarah/ Ketua Program mestilah mempunyai kepakaran di dalam bidang nic, berstatus ahli tetap dan perlu dilantik oleh Naib Canselor Universiti serta menghantar pemakluman pelantikan secara rasmi kepada JPT.

2.5 KEAHLIAN

- 2.5.1 Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek perlu memastikan setiap ahli tetap/ ahli bersekutu dalam projek penyelidikan memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing sepertimana yang telah dipersetujui dalam memastikan perancangan bagi projek penyelidikan tersebut berjalan lancar dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.
- 2.5.2 JPT tidak menggalakkan pertambahan/ pengguguran ahli tetap/ ahli bersekutu melainkan sekiranya terdapat keperluan khusus. Sekiranya terdapat keperluan untuk pertambahan/ pengguguran ahli, Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek perlu mengemukakan permohonan berserta justifikasi yang kukuh serta peranan ahli baharu dalam kumpulan penyelidikan tersebut (bagi pertambahan ahli).
- 2.5.3 Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek tidak dibenarkan untuk membuat penambahan ahli dalam tempoh **kurang enam (6) bulan** dari tarikh tamat projek.
- 2.5.4 Permohonan yang lengkap berserta justifikasi kukuh dan memuaskan perlu dikemukakan melalui RMC **sekurang-kurangnya satu (1) bulan** sebelum pertukaran ahli untuk pertimbangan dan kelulusan di peringkat JPT.

2.6 TEMPOH PENYELIDIKAN

- 2.6.1 Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek perlu memastikan projek penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran output yang telah diluluskan berdasarkan Pelan Tindakan dan Hala Tuju. Pelaksanaan projek penyelidikan ini perlu mematuhi pekeliling, prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia, JPT dan juga institusi masing-masing.
- 2.6.2 Sekiranya Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek memerlukan pelanjutan tempoh penyelidikan bagi meneruskan kelangsungan projek tersebut, Pengarah/ Ketua Program/ Ketua Projek perlu mengemukakan permohonan yang lengkap merangkumi justifikasi kukuh dan keperluan pelanjutan tempoh sehingga **enam (6) bulan** sahaja berserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan.

- 2.6.3 Permohonan lanjut tempoh penyelidikan hendaklah dikemukakan oleh Pengarah kepada JPT melalui sokongan pihak RMC selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh. Permohonan yang lewat dikemukakan kepada JPT tidak akan dipertimbangkan.
- 2.6.4 Tempoh pelanjutan yang dibenarkan adalah **maksimum enam (6) bulan** sahaja.
- 2.6.5 Justifikasi pelanjutan tempoh yang **tidak boleh** dipertimbangkan adalah seperti berikut:
- i) Penerbitan buku dan lain-lain jenis penerbitan;
 - ii) Menghadiri persidangan (dalam dan luar negara);
 - iii) Membuat perolehan aset;
 - iv) Membelanjakan baki peruntukan penyelidikan; atau sebab-sebab lain dengan justifikasi yang tidak kukuh dan tidak jelas.

2.7 PENALTI DAN KETIDAKPATUHAN

- 2.7.1 Pejabat TNCPi dan HICoE perlu mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua ulasan di dalam laporan pemantauan prestasi yang dikemukakan oleh KPT. Sekiranya tindakan tidak diambil ke atas saranan pemantauan dan projek tidak menunjukkan kemajuan yang memuaskan, KPT berhak membuat pembekuan penyaluran dana penyelidikan HICoE bagi tahun berikutnya.
- 2.7.2 Bagi hasil pencapaian/ pelaporan perbelanjaan kewangan yang kurang daripada 35% dalam tempoh satu (1) tahun pemantauan, JPT boleh mempertimbangkan untuk menamatkan/ menarik semula taraf HICoE.
- 2.7.3 HICoE yang telah ditamatkan/ ditarik semula taraf perlu memulangkan semula baki dana penyelidikan HICoE dengan menyalurkan semula baki tersebut kepada akaun bendahari IPT masing-masing.
- 2.7.4 Selain itu, ahli penyelidik (tetap dan bersekutu) yang terlibat dengan ketidakpatuhan **akan disenarai hitam dan disekat daripada menerima Dana Penyelidikan KPT untuk tempoh dua (2) tahun** daripada tarikh surat rasmi diberikan kepada IPT yang terlibat.

- 2.7.5 HICoE yang membelanjakan Dana Penyelidikan HICoE untuk aktiviti selain daripada yang dinyatakan di dalam Pelan Tindakan dan Hala Tuju HICoE atau tidak mematuhi tatacara kewangan yang sedang berkuatkuasa boleh dikenakan penalti seperti pengurangan peruntukan pada tahun berikutnya atau tindakan sewajarnya boleh diambil mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993/ Peraturan lain yang berkuat kuasa.
- 2.7.6 TNCPi perlu memastikan baki Dana Penyelidikan HICoE **terus dibekukan** selepas HICoE tamat tempoh pelaksanaannya untuk memastikan perbelanjaan dana tersebut hanya di dalam tempoh yang dipersetujui. Sebarang penggunaan terhadap baki dana tersebut perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada JPT melalui RMC masing-masing.

2.8 TANGGUNGJAWAB PIHAK BERKEPENTINGAN

2.8.1 Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi

- i) Menguruskan keperluan peruntukan Dana Penyelidikan HICoE, KPT tertakluk kepada prosedur dan pekeliling berkuatkuasa;
- ii) Melantik dan melatih panel penilai di peringkat JPT;
- iii) Menguruskan proses penilaian HICoE;
- iv) Menguruskan proses kelulusan dan penawaran projek penyelidikan bidang nic kepada HICoE yang berjaya; dan
- v) Menguruskan proses pemantauan/ lawatan tapak bagi HICoE yang telah diberi penarafan.

2.8.2 Jawatankuasa Penilaian HICoE

- i) Menilai dan memperakukan data instrumentasi;
- ii) Menjalankan penilaian lawatan tapak ke CoE yang berkecualan;
- iii) Menilai prestasi keseluruhan dan projek penyelidikan bidang nic HICoE secara berkala;
- iv) Memberikan cadangan dan saranan bagi kelangsungan prestasi keseluruhan dan projek penyelidikan bidang nic HICoE berdasarkan kepada prestasi projek penyelidikan dan kewangan;
- v) Memberikan cadangan penambahbaikan proses penilaian dan pemantauan kepada JPT; dan
- vi) Menjaga etika dan kerahsiaan (Akta Kerahsiaan).

2.8.3 Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

- i) Meneliti, menilai dan menyokong semua permohonan pengurusan dan pentadbiran HICoE selari dengan Garis Panduan HICoE;
- ii) Memastikan semua pihak yang terlibat melaksanakan penyelidikan mengikut ketetapan dan peraturan yang ditetapkan;
- iii) Memudah cara dan memudah selia aktiviti permohonan, pemprosesan sepanjang perjalanan penyelidikan seperti yang termaktub dalam Garis Panduan HICoE;
- iv) Memantau kemajuan prestasi keseluruhan dan penyelidikan serta pencapaian carta perbatuan mengikut tempoh masa yang ditentukan;
- v) Membuat penilaian dalaman dan seterusnya mengesahkan Laporan Pemantauan Prestasi HICoE sebelum dikemukakan kepada urus setia JPT;
- vi) Mengemaskini senarai aset yang dibiayai melalui dana penyelidikan HICoE;
- vii) Memastikan wakil RMC hadir di dalam setiap pembentangan dan lawatan tapak;
- viii) Memastikan semua perbelanjaan dana perlu mematuhi pekeliling dan prosedur kewangan yang sedang berkuat kuasa; dan
- ix) Mendapatkan kelulusan bertulis daripada JPT bagi sebarang perubahan Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE asal.

2.8.4 Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE)

- i) Memastikan pelaksanaan, pengurusan dan pentadbiran HICoE teratur mengikut Garis Panduan HICoE yang terkini.

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

3. PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

3.1 DANA PENYELIDIKAN HICoE

Penarafan HICoE adalah bertujuan untuk mengiktiraf CoE yang berpotensi untuk berkembang maju ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, dana penyelidikan diberikan kepada HICoE bagi mencapai KPI yang dipersetujui bersama di antara JPT dan HICoE. HICoE akan diberikan dana penyelidikan bagi membiayai perbelanjaan penyelidikan dalam menjana aktiviti akademik, penyelidikan dan pembelajaran yang berkualiti tinggi serta meningkatkan keupayaan makmal penyelidikan HICoE ke arah mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi ISO17025.

Dana penyelidikan tersebut juga adalah bagi membiayai belanja harian untuk kegiatan penyelidikan termasuklah latihan, perkhidmatan berteraskan penyelidikan, pengantarabangsaan dan sebagainya. Bagi mencapai sasaran HICoE melalui perbelanjaan yang seimbang, pecahan perbelanjaan Dana Penyelidikan HICoE adalah seperti di jadual berikut:

NO.	PECAHAN KOMPONEN	PERATUSAN PERBELANJAAN DANA PENYELIDIKAN HICoE (%)	
		TERAS PENYELIDIKAN DAN INOVASI	TERAS PERKHIDMATAN
(i)	Program Penyelidikan dan Perkhidmatan	55	40
(ii)	Naik Taraf Infrastruktur / Peralatan	20	30
(iii)	Latihan Jangka Pendek Staf	15	15
(iv)	Jaringan dan Kolaborasi	10	15
Jumlah		100%	100%

3.2 PENGURUSAN PERUNTUKAN

3.2.1 Peraturan kewangan HICoE meliputi perbelanjaan pembangunan dan mengurus dalam bidang nic HICoE seperti berikut:

NO.	PECAHAN KOMPONEN	PENGKELASAN VOT
(i)	Program Penyelidikan dan Perkhidmatan	Vot 11000, Fot 21000, Fot 24000, Fot 27000, Fot 28000, Fot 29000
(ii)	Naik Taraf Infrastruktur / Peralatan	Vot 28000 (peralatan yang digunakan untuk R&D sahaja), Fot 29000, Fot 35000
(iii)	Latihan Jangka Pendek Staf	Vot 21000, Fot 24000, Fot 29000
(iv)	Jaringan dan Kolaborasi	Vot 21000, Fot 24000, Fot 29000

3.2.1.1 Fot 11000

Upah dan Elaun Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

- Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mod penyelidikan sepenuh masa bagi warganegara dan bukan warganegara. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM3,500 untuk pelajar PhD dan RM3,000 untuk pelajar sarjana.

3.2.1.2 Fot 21000

Perjalanan dan Pengangkutan

- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- Perjalanan ke luar negara dibenarkan sekiranya terdapat keperluan yang nyata dan manfaat dalam mencapai sasaran program HICoE.

- c) Kelulusan perjalanan ke luar negara:
- i) Permohonan HICoE perlu melalui Jawatankuasa sedia ada di IPT masing-masing (Contoh: Jawatankuasa Pengurusan Universiti);
 - ii) Sekiranya terdapat keperluan mendesak, kelulusan tersebut perlu dipanjangkan kepada JPT melalui RMC di IPT masing-masing;
 - iii) Kelulusan RMC adalah dibenarkan kepada ahli penyelidik serta pelajar PhD/ post-doktoral/ pegawai sains/ pegawai penyelidik (hanya untuk sangkutan latihan) yang berkaitan dengan bidang nic HICoE sahaja. **Tempoh sangkutan latihan bagi pelajar PhD/ post-doktoral/ pegawai sains/ pegawai penyelidik adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan.** Sekiranya melebihi tempoh yang telah ditetapkan, permohonan tersebut perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing; dan
 - iv) **Tempoh bagi *visiting program* untuk membawa penyelidik luar ke HICoE adalah tidak melebihi dua (2) minggu** dan sekiranya melebihi tempoh yang telah ditetapkan, permohonan tersebut perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing.
- d) Perjalanan ke luar negara hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
- i) Perjalanan ke luar negara yang telah dinyatakan atau diperincikan di dalam Pelan Tindakan dan Hala Tuju HICoE perlu mendapat kelulusan di peringkat IPT masing-masing tertakluk kepada peraturan IPT yang sedang berkuat kuasa dan dimaklumkan kepada JPT untuk rekod bagi tujuan pemantauan kelak;
 - ii) Mana-mana perjalanan ke luar negara yang tidak dinyatakan atau tidak diperincikan di dalam Pelan Tindakan dan Hala Tuju HICoE hendaklah mendapat kelulusan JPT terlebih dahulu berserta kertas

cadangan dan jumlah peruntukan yang terlibat. **Dokumentasi tidak lengkap dan permohonan lewat (kurang daripada 3 bulan) daripada tarikh program akan ditolak.** Segala permohonan dan prosedur ke luar negara juga adalah tertakluk kepada pekeliling terkini yang sedang berkuat kuasa;

- iii) Setiap penyelidik (termasuk Pengarah/ Ketua Projek/ Ketua Program HICoE) hanya dibenarkan ke luar negara menggunakan peruntukan HICoE **sekali (1) setahun sahaja**. Sekiranya terdapat keperluan untuk ke luar negara lebih dari sekali pada tahun yang sama, HICoE perlu mendapatkan kelulusan khas daripada JPT;
- iv) Hanya ahli penyelidik tetap serta pelajar PhD/ post-doktoral/ pegawai sains/ pegawai penyelidik (hanya untuk sangkutan latihan) yang berkaitan dengan bidang nic HICoE (seperti yang dinyatakan dalam instrumen) CoE sahaja yang dibenarkan. Pemohon hendaklah menyatakan dengan jelas jawatan, gred, fungsi tugas semasa serta tujuan lawatan ke luar negara tersebut;
- v) Bilangan pegawai yang dibenarkan untuk ke luar negara pada sesuatu masa adalah tidak melebihi empat (4) orang;
- vi) Perjalanan ke luar negara adalah dibenarkan bagi tujuan konferensi/ persidangan, latihan dan jaringan kolaborasi;
- vii) Perjalanan ke luar negara bagi tujuan latihan dan jaringan kolaborasi perlu diiringi dengan MoU atau sebarang perjanjian lain dengan pihak ketiga dan kertas kerja yang jelas serta mendapat pengesahan RMC;
- viii) Perjalanan ke luar negara turut tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan PB3.1, peraturan IPT masing-masing serta pekeliling/ arahan yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan perjalanan ke luar negara;

- ix) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dengan penyelidikan dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi;
- x) Perjalanan hendaklah menggunakan laluan dan tambang paling murah dan menjimatkan;
- xi) Tertakluk kepada kecukupan baki dana penyelidikan; dan
- xii) Penyelidik di HICoE perlu mematuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan di institusi masing-masing.

3.2.1.3 Vot 24000

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

3.2.1.4 Vot 27000

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap cadangan pembelian bekalan/ bahan penyelidikan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

3.2.1.5 Vot 28000

Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Perbelanjaan tersebut harus meningkatkan keupayaan penyelidikan sedia ada.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh dana

penyelidikan ini.

3.2.1.6 Vot 29000

Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Perbelanjaan Perkhidmatan Khas/ Belanja Pakai Habis merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek sekali sahaja untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan.

3.2.1.7 Vot 35000

Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan aset IPT setiap HICoE. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur Perbendaharaan.

3.2.2 Kelulusan Virement (Pindahan agihan peruntukan)

3.2.2.1 Kelulusan RMC adalah dibenarkan kepada 5% bagi pindahan vot dalam komponen yang sama untuk keseluruhan Dana Penyelidikan HICoE dan pindahan yang melibatkan komponen lain adalah tidak dibenarkan.

3.2.2.2 Bagi pindahan agihan peruntukan yang melebihi peratus yang

telah ditetapkan, permohonan tersebut perlu dipanjangkan ke JPT melalui RMC di IPT masing-masing.

3.2.3 Pindahan Vot di bawah komponen dana penyelidikan HICoE

- 3.2.3.1 Bermula pada 1 Mei 2023, HICoE tidak dibenarkan lagi untuk membuat pindahan vot di antara empat (4) komponen di bawah Dana Penyelidikan HICoE. Walau bagaimanapun, pindahan vot di dalam komponen yang sama adalah dibenarkan hanya untuk **sekali setahun** sahaja.
- 3.2.3.2 Pengarah/ Ketua Projek/ Ketua Program perlu mengemukakan permohonan yang lengkap kepada RMC merangkumi keperluan/ justifikasi kukuh dan memuaskan berserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan dan sokongan RMC.
- 3.2.3.3 RMC perlu memberikan ulasan dan syor bagi setiap permohonan HICoE sebelum dikemukakan kepada JPT untuk pertimbangan dan kelulusan. Sebarang permohonan yang tiada justifikasi dan dokumen sokongan tidak akan diberi pertimbangan.

VOT	DESKRIPSI	TERMA RUJUKAN
11000	Elaun Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)	● Pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan. ● Walau bagaimanapun, jika terdapat kekangan kewangan dan keperluan mendesak bagi menampung vot lain, pindah peruntukan hanya dibenarkan jika bilangan GRA yang bergraduat telah dicapai mengikut KPI; - Hanya pada tahun kedua dan ke atas pelaksanaan projek; dan - Kelulusan di peringkat JPT.
21000	Perjalanan dan Pengangkutan	Dibenarkan pindah peruntukan bagi perjalanan dalam negara bagi tujuan menghadiri persidangan/kerja lapangan/kutipan data dan lain-lain aktiviti berkaitan.
24000	Sewaan	Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan dan masih di dalam komponen yang sama.
27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan	
28000	Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai	
29000	Perkhidmatan Ikhtisas	

3.2.4 Pengarah/ Ketua Projek/ Ketua Program **tidak dibenarkan** untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian dan penggunaan peruntukan yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan seperti berikut:

- i) Peralatan komunikasi;
- ii) Langganan sebarang bentuk perkhidmatan internet;
- iii) Peralatan dan aksesori pejabat;
- iv) Pembelian komputer dan mesin pencetak;
- v) Peralatan storan;
- vi) Pembelian bahan rujukan;
- vii) Pembayaran sewaan fasiliti di institusi masing-masing;
- viii) Penganjurkan persidangan, simposium dan lain-lain;
- ix) Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/ badan ikhtisas;
- x) Pembayaran *Article Processing Charges* (APC);
- xi) Pameran atau pertandingan inovasi;
- xii) Pembayaran pemfailan harta intelek;
- xiii) Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/ pentadbiran; dan
- xiv) Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

3.3 PENGGUNAAN PERUNTUKAN MELANGKAUI FASA

- 3.3.1 Peruntukan yang disalurkan perlu dibelanjakan di dalam Fasa yang terlibat sahaja.
- 3.3.2 Peruntukan yang tidak habis digunakan bagi Fasa semasa boleh digunakan bagi perbelanjaan di Fasa lain.
- 3.3.3 Pihak RMC/ Bendahari perlu membuat pemantauan dan semakan dari semasa ke semasa bagi memastikan Garis Panduan dipatuhi.

3.4 PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

- 3.4.1 Setiap prosedur pengurusan kewangan dan perolehan hendaklah mematuhi pekeliling dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan Institusi masing-masing. Sekiranya terdapat perbezaan atau percanggahan, Institusi perlulah mematuhi pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.
- 3.4.2 Adalah menjadi tanggungjawab Institusi bagi memastikan pengurusan geran HICoE dilaksanakan dengan teratur mengikut tatacara pengurusan kewangan yang terkini dan sedang berkuat kuasa.

3.5 PEROLEHAN ASET, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

- 3.5.1 Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan dan dinyatakan dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE yang diluluskan. Segala perolehan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada pekeliling dan prosedur kewangan yang sedang berkuat kuasa.
- 3.5.2 Sekiranya terdapat keperluan untuk membeli aset yang tiada dalam Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE yang telah diluluskan, Pengarah/ Ketua Projek/ Ketua Program perlu mengemukakan permohonan melalui RMC berserta justifikasi dan dokumen berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan JPT.
- 3.5.3 Pengarah/ Ketua Projek/ Ketua Program bertanggungjawab ke atas sebarang urusan kewangan dan perolehan.
- 3.5.4 Pembelian aset hanya boleh dilakukan oleh Pengarah/ Ketua Projek/ Ketua Program sahaja. Pindah peruntukan ke Institusi lain untuk pembelian aset adalah tidak dibenarkan.
- 3.5.5 Lawatan tapak ke HICoE akan diadakan bagi mendapatkan perincian dan butiran lanjut berkaitan kegunaan pembelian peralatan tersebut (sekiranya perlu).

3.6 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

- 3.6.1 Pengurusan aset dan inventori adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab pihak RMC setiap Institusi penerima geran. Aset menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Institusi penerima geran serta sebarang pelupusan aset hendaklah mematuhi pekeliling dan prosedur pengurusan aset dan inventori yang sedang berkuat kuasa.
- 3.6.2 Setiap aset perlu didaftarkan dan diurus mengikut pekeliling dan prosedur pengurusan aset dan inventori yang sedang berkuat kuasa. Semua aset perlu didaftarkan, direkodkan dan dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran “Hak Kerajaan Malaysia/ Nama Geran Kementerian/ Institusi”.

PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

4. PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

Setiap HICoE akan dipantau prestasi semasa secara berkala oleh JPT. Pemantauan prestasi adalah bertujuan untuk memastikan pelaksanaan serta pencapaian HICoE selari dengan hasrat utama program ini dan seterusnya mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh JPT dengan berkesan dan cekap melalui pengurusan sumber yang berhemah.

Pemantauan yang dilaksanakan adalah penting bagi JPT memastikan sesebuah HICoE berada dalam landasan yang betul bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Di antara tindakan-tindakan yang boleh diambil ialah:

- i) Menyemak dan menilai semula sasaran Pelan Tindakan dan Halatuju HICoE;
- ii) Menilai, menyemak dan menambahbaik pengagihan dana penyelidikan HICoE;
- iii) Memperkukuh organisasi HICoE; dan
- iv) Sebarang tindakan lain yang dapat memperbaiki prestasi HICoE.

Hasil pemantauan prestasi HICoE akan menjadi input utama bagi JPT menentukan hala tuju sesebuah HICoE. Ini termasuklah keputusan berhubung penyaluran dana penyelidikan, penyemakan semula KPI, langkah pembetulan serta penambahbaikan program sesebuah HICoE.

4.1 PEMANTAUAN

4.1.1 Pemantauan Berjadual

Setiap projek penyelidikan HICoE adalah tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh penyelidikan mengikut Fasa sedia ada HICoE seperti di Lampiran 1.

4.1.2 Pemantauan HICoE Fasa I

- i) Penghantaran laporan prestasi dan pemantauan bagi Fasa I Tahun 1 akan diadakan sebanyak dua kali iaitu selepas enam (6) bulan pertama dan seterusnya enam (6) bulan kedua pelaksanaan;
- ii) Penghantaran laporan prestasi dan pemantauan bagi Fasa I Tahun 2 dilaksanakan bagi tempoh dua belas (12) bulan (cth. Penarafan

diberi pada 1 Januari 2025, pemantauan Fasa I Tahun 2 adalah bagi tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026);

- iii) Penghantaran laporan prestasi dan pemantauan bagi Fasa I Tahun 3 juga dilaksanakan bagi tempoh dua belas (12) bulan berikutnya (cth. Penarafan diberi pada 1 Januari 2025, pemantauan Fasa 1 Tahun 3 adalah bagi tempoh 1 Januari 2027 hingga 31 Disember 2027);
- iv) Pelaporan adalah menggunakan instrumen, KPI dan naratif yang telah ditetapkan;
- v) Lawatan tapak akan diadakan tertakluk kepada prestasi HICoE dari semasa ke semasa; dan
- vi) Jadual pemantauan HICoE Fasa I adalah seperti di bawah:

Tahun	Pemantauan	Pelaporan
1	Dua (2) kali setahun	Menggunakan instrumen, KPI dan naratif.
2	Satu (1) kali setahun	
3	Satu (1) kali setahun	

4.1.3 Pemantauan HICoE Fasa II

- i) Pemantauan bagi Fasa II akan dilaksanakan secara tahunan;
- ii) Pelaporan menggunakan instrumen, KPI dan naratif; dan
- iii) Lawatan tapak akan diadakan tertakluk kepada prestasi HICoE dari semasa ke semasa.

4.1.4 Pemantauan HICoE Bertauliah

- i) Pemantauan/ lawatan tapak akan dilaksanakan mengikut kesesuaian/ keperluan dari semasa ke semasa; dan
- ii) Pelaporan bagi HICoE bertauliah akan dilaksanakan secara tahunan

dalam bentuk naratif.

4.2 PELAPORAN

Setiap HICoE perlu mengisi dan menghantar laporan kepada urusetia dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* berdasarkan kala pemantauan yang ditetapkan dan lawatan pemantauan tapak (*site-visit*) akan diadakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

4.2.1 Pengisian Instrumen HICoE dalam Penyelidikan Bidang Nic

- i) Data yang berkaitan seperti di dalam Glosari HICoE;
- ii) Data berkaitan dengan bidang nic yang telah ditetapkan; dan
- iii) Data berserta senarai induk dan dokumen bahan bukti.

4.2.2 Laporan Kewangan Dana Penyelidikan HICoE

- i) Ringkasan perbelanjaan Dana Penyelidikan HICoE mengikut komponen dan peratusan yang telah ditetapkan berserta dokumen bahan bukti (transaksi kewangan dan dokumen sokongan lain yang berkaitan); dan
- ii) Laporan perbelanjaan Dana Penyelidikan HICoE mengikut vot yang disahkan oleh Bendahari IPT.

4.2.3 Laporan Naratif

- i) Status semasa setiap projek penyelidikan yang mengguna pakai dana penyelidikan HICoE;
- ii) Perancangan bagi kecemerlangan projek penyelidikan bidang nic HICoE untuk menjadi pakar rujuk pada masa akan datang;
- iii) Laporan perbelanjaan Dana Penyelidikan HICoE secara terperinci mengikut komponen yang telah ditetapkan;
- iv) Impak penyelidikan HICoE kepada kerajaan, akademik, komuniti, industri dan persekitaran; dan

- v) Output HICoE ke arah penjana *Return on Investment/ Return on Value* (ROI/ ROV).

Laporan prestasi HICoE tahunan perlu dikemukakan kepada RMC di IPT masing-masing dan tidak perlu dikemukakan kepada JPT melainkan terdapat arahan khusus mengenainya. RMC perlu membuat penilaian dalaman terlebih dahulu sebelum dokumen bagi Laporan Pemantauan Prestasi HICoE dikemukakan kepada JPT.

4.3 PEMANTAUAN TIDAK BERJADUAL

Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan mengikut ketetapan dan keperluan JPT seperti berikut:


- i) Lawatan tapak dan pengauditan;
- ii) Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditetapkan oleh JPT; dan
- iii) Pemantauan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Laporan prestasi tahunan perlu dikemukakan kepada pengurusan penyelidikan di Institusi masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada JPT melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.

JPT juga berhak memanggil pihak Institusi untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian seperti pembentangan projek penyelidikan atau lawatan tapak.

LAMPIRAN

**CARTA ALIR PEMANTAUAN BERJADUAL
PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI (HICoE)**



**BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**